



SOALAN LAZIM

SKIM PINJAMAN KOMPUTER PELAJAR IPMA (SKIPMA)

1. **Apakah itu Skim Pinjaman Komputer Pelajar Institusi Pendidikan MARA (SKIPMA)?**
SKIPMA adalah skim pinjaman komputer di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang diwujudkan bagi membantu pelajar Institusi Pendidikan MARA (IPMA) memiliki komputer untuk kemudahan dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi serta kaedah baharu pembelajaran.

2. **Golongan pelajar manakah yang layak memohon?**
Pelajar tajaan MARA dibawah IPMA seperti dibawah layak memohon:-
 - a. Kolej MARA (KM);
 - b. Institut Kemahiran MARA (IKM);
 - c. Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM);
 - d. MARA Japan Industrial Institute (MJII);
 - e. Kolej Profesional MARA (KPM);
 - f. Universiti Kuala Lumpur (UniKL);
 - g. Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM);
 - h. Kolej Poly-Tech MARA (KPTM); Dan
 - i. German Malaysian Institute (GMI).

3. **Apakah syarat kelayakan untuk melayakkan saya memohon SKIPMA?**
Syarat kelayakan SKIPMA boleh dirujuk dalam garis panduan permohonan semasa permohonan dibuka.

4. **Bagaimanakah cara untuk saya memohon SKIPMA?**
Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui pautan <http://aplikasi.mara.gov.my/skip> apabila permohonan dibuka. Pemohon dinasihatkan supaya membaca dan memahami garis panduan yang disediakan sebelum membuat permohonan.

- 5. Bilakah permohonan SKIPMA akan dibuka?.**
Permohonan akan dibuka mulai 01 Ogos 2022 (Isnin) hingga 22 Ogos 2022 (Isnin). Sebarang permohonan selepas tarikh tutup tidak akan diproses.
- 6. Bolehkah saya memohon SKIPMA sekiranya pemohon/ibu/bapa/penjaga/penjamin saya telah disenaraihitam MARA?.**
Tidak boleh. Pemohon/ibu/bapa/penjaga/penjamin perlu bebas dari senarai hitam MARA. Pemohon dinasihatkan untuk menyemak status senarai hitam di Bahagian Kawalan Kredit MARA sebelum memohon SKIPMA.
- 7. Jika saya tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tetapi saya ingin mencuba untuk memohon, adakah dibenarkan?.**
Pemohon dinasihatkan untuk menyemak syarat kelayakan terlebih dahulu sebelum membuat permohonan. Hanya pemohon yang memenuhi syarat kelayakan dan permohonan yang lengkap sahaja akan dipertimbangkan untuk SKIPMA.
- 8. Adakah saya perlu menghantar borang atau apa-apa dokumen selepas membuat permohonan?.**
Pemohon perlu terlebih dahulu mengisi permohonan secara atas talian (*online*). MARA akan memaklumkan melalui *person in charge* (PIC) di institusi pengajian masing-masing untuk sebarang dokumen yang perlu dihantar.
- 9. Bagaimanakah saya ingin menyemak status permohonan?.**
Semakan status permohonan boleh dibuat melalui *PIC* di institusi pengajian masing-masing.
- 10. Berapa lamakah jangkaan masa sehingga permohonan saya akan diluluskan?.**
Permohonan akan diproses di dalam masa tiga (3) bulan dari tempoh permohonan dibuat. Sekiranya tiada maklumbalas berkenaan permohonan dalam tempoh tersebut, permohonan dianggap tidak berjaya.
- 11. Bilakah saya akan membuat bayaran balik pinjaman komputer MARA?. Berapakah kadar bayaran balik dan berapa lama tempoh bayaran balik?.**
Bayaran ansuran bulanan bermula selepas pelajar menamatkan pengajian. Kadar bayar balik adalah sepenuhnya (100%) dan tempoh bayaran balik selama 18 bulan.

12. Sekiranya pelajar diberhentikan atau gagal dalam pengajian, bagaimanakah proses pembayaran pinjaman komputer?.

Peminjam yang menarik diri atau diberhentikan atau ditamatkan pengajian adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan keseluruhan pinjaman tersebut dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat pengajian.

13. Berapakah jumlah pinjaman komputer yang disediakan?.

Amaun maksimum adalah sebanyak RM3,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu Sahaja). Penetapan jumlah pinjaman adalah tertakluk kepada harga sebenar komputer dan tidak melebihi jumlah amaun maksimum.

14. Pelajar telah mendapat tawaran di institusi pengajian lain (bukan IPMA) setelah pinjaman komputer diluluskan. Bagaimanakah dengan status pinjaman komputer tersebut?.

Pelajar perlu membuat bayaran penuh dalam tempoh tiga (3) bulan selepas berhenti pengajian di institusi di bawah IPMA.

15. Setelah pinjaman komputer diluluskan, adakah proses pembelian komputer akan diuruskan sendiri oleh pelajar?.

Ya, bayaran akan dikreditkan terus ke akaun bank pelajar dan pembelian komputer perlu diuruskan sendiri oleh pelajar.

16. Berapakah tempoh maksimum bayaran balik pinjaman komputer?.

Tempoh maksimum bayaran balik adalah 18 bulan.

17. Bagaimanakah cara bayaran balik pinjaman komputer?.

Bayaran balik pinjaman akan dibuat secara ansuran melalui potongan akaun bank pelajar yang aktif selepas pelajar menamatkan pengajian.

18. Bagaimana jika baki akaun simpanan tidak mencukupi dan potongan ansuran gagal dibuat?.

Pihak MARA akan menghantar peringatan kepada pelajar. Sekiranya potongan masih gagal dibuat, penjamin bertanggungjawab sepenuhnya ke atas bayaran ansuran tersebut.

19. **Sekiranya pelajar tidak mendapat tajaan pinjaman pelajaran MARA seperti pelajar KPM/IKM/KKTM/KM, bagaimanakah bayaran balik pinjaman komputer pelajar akan ditolak?.**

Bayaran balik pinjaman adalah secara ansuran melalui potongan daripada akaun bank pelajar yang aktif seperti yang dipersetujui oleh pelajar. Pelajar perlu memastikan baki yang mencukupi dalam akaun bank setiap bulan.

20. **Sekiranya baki pengajian kurang daripada 12 bulan, adakah pelajar layak memohon?.**
Pelajar tidak layak memohon.

21. **Pelajar tidak mendapat tajaan MARA, adakah pelajar layak memohon?.**
Pelajar layak memohon pinjaman ini.

22. **Pelajar mendapat tajaan MARA untuk yuran sahaja, adakah pelajar layak memohon?.**
Pelajar layak memohon pinjaman ini.

23. **Adakah pinjaman ini memerlukan penjamin? Siapakah yang layak menjadi penjamin?.**

Ya, pinjaman ini memerlukan seorang penjamin. Syarat-syarat penjamin adalah seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur 21 tahun dan ke atas;
- c) Ibu / Bapa / Penjaga / Ahli Keluarga; dan
- d) Pendapatan kasar sekurang-kurangnya RM500.00 sebulan.
(Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja).

24. **Pelajar pernah mendapat pinjaman komputer ketika belajar di peringkat diploma, adakah pelajar layak memohon lagi sekiranya menyambung pengajian di peringkat ijazah pertama di IPMA?.**

Ya. permohonan layak dipertimbangkan untuk pinjaman seterusnya tertakluk kepada pinjaman komputer terdahulu telah diselesaikan.